

## **DIMENSI, FAKTOR DAN STRATEGI KEBERGANTUNGAN DALAM KALANGAN PEMIMPIN BELIA FELDA**

(*Dimensions, Factors and Strategies of Dependence among Felda Youth Leaders*)

Nik Hasrul Mohd Zainudin & Muhammad Idris Bullare @ Bahari

### **ABSTRAK**

Corak kepimpinan pemimpin persatuan belia dilihat masih di takuk lama. Sebilangan besar pemimpin belia masih bergantung terhadap bantuan pihak atasan dalam menjayakan program-program belia. Hal ini memberi gambaran terhadap kegagalan pemimpin belia untuk berdikari. Tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan oleh pihak Felda bagaiakan belum berkesan dalam membentuk pemimpin belia yang mampu berdikari. Fenomena kebergantungan dalam kalangan pemimpin belia ini amat membimbangkan kerana boleh merencatkan kemajuan Felda. Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneroka dimensi, faktor dan strategi kebergantungan dalam kalangan pemimpin belia Felda. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen berkaitan sebagai kaedah pengumpulan data. Seorang informan kajian telah dipilih dalam kajian ini yang merupakan seorang pemimpin belia di Wilayah Johor yang merupakan Presiden Majlis Belia Felda. Kajian ini mendapat terdapat dua tema berkaitan dimensi kebergantungan iaitu kebergantungan sumber kewangan dan kebergantungan jaringan peluang pekerjaan. Manakala kajian ini mendapat terdapat dua faktor penyebab berlakunya kebergantungan pemimpin belia Felda iaitu budaya dan pendekatan sistemik. Sementara itu, terdapat dua strategi bagi mengatasi kebergantungan kepada Felda iaitu membina hubungan dengan pihak luar dan menjalankan program ekonomi. Hasil kajian ini diharapkan akan memberi manfaat kepada pihak Felda dalam mencari pendekatan terbaik membangunkan generasi pemimpin belia yang mampu berdikari dalam mentadbir persatuan belia mereka. Hal ini amat penting demi memastikan Felda khasnya dan negara amnya tidak ketandusan pemimpin yang berkaliber pada masa akan datang.

**Kata kunci:** kebergantungan, pemimpin belia, Felda, strategi

### **ABSTRACT**

The leadership pattern of youth association leaders is still seen in the old notch. A large number of youth leaders still depend on assistance from superiors in the success of youth programs. This gives an idea of the failure of youth leaders to be independent. The guidance and guidance given by Felda does not seem to be effective in forming youth leaders who are able to be independent. The phenomenon of dependence among youth leaders is very worrying because it can hinder the progress of Felda. Thus, this study was conducted to explore the dimensions, factors and strategies of dependence among Felda youth leaders. This study is qualitative in nature by using interview methods and analysis of related documents as data collection methods. A study informant was selected in this study who is a youth leader in Johor Region who is the President of Felda Youth Council. This study found that there are two themes related

to the dimension of dependence, namely the dependence of financial resources and the dependence of the network of employment opportunities. While this study found that there are two factors that cause the dependence of Felda youth leaders, namely culture and systemic approach. Meanwhile, there are two strategies to overcome dependence on Felda, namely building relationships with external parties and running economic programs. It is hoped that the results of this study will benefit Felda in finding the best approach to develop a generation of youth leaders who are able to be independent in administering their youth associations. This is very important to ensure that Felda in particular and the country in general do not have a shortage of caliber leaders in the future.

**Keywords:** dependency; youth leaders; Felda; strategy

## PENDAHULUAN

Generasi baharu Felda mempunyai kelebihan dalam pelbagai aspek seperti; keusahawanan pertanian moden, seni reka, pelancongan dan teknologi makanan. Buah fikiran dan tenaga mereka amat diperlukan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Felda dan memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Generasi baharu ini akan mengambil alih peranan generasi pertama dalam meneruskan kegiatan ekonomi secara mampan sekali gus mengukuhkan lagi organisasi Felda. Pemimpin belia yang mempunyai kualiti dalam kepimpinan, berpengaruh, sanggup berkorban untuk kepentingan organisasi, kreatif dalam kepimpinan, berinovasi, dan berkemahiran dalam komunikasi merupakan ciri penting dalam menjana kecemerlangan (Hassan, 2015). Hal ini menjadikan pembinaan jati diri seseorang belia sebagai agenda utama bagi sesebuah negara (Suhaimi et al., 2016).

Walau bagaimanapun, antara masalah utama yang menghalang kemajuan generasi belia Felda adalah sikap kebergantungan terhadap Felda sebagai organisasi yang menaungi pertubuhan belia tersebut. Hal ini dapat dibuktikan apabila bimbingan dan bantuan kewangan dan pengurusan perlu diberi secara berterusan bagi menjayakan program-program persatuan belia ini. Kebergantungan yang melampau terhadap Felda dalam menjalankan program belia adalah tidak sihat kerana ianya akan merosakkan kualiti kepemimpinan belia itu sendiri. Kesannya, pemimpin belia tidak mampu berdikari dalam menguruskan sesuatu program. Lebih buruk lagi, kesan jangka masa panjang akan menyebabkan komuniti Felda ketandusan pemimpin belia yang berdaya saing seterusnya dalam jangka masa panjang akan merencatkan kemajuan komuniti Felda. Justeru itu, kajian ini dilihat amat diperlukan bagi memberi kefahaman terhadap konsep kebergantungan dalam kalangan pemimpin belia Felda. Maklumat ini amat penting bagi membentuk mekanisme baru untuk menghasilkan pemimpin belia yang lebih berdikari. Penglibatan belia secara aktif dalam persatuan belia mampu membangunkan modal insan, memupuk semangat setia kawan dan melatih belia untuk menjadi insan yang berguna (Assan, 2019). Kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneroka dimensi, faktor dan strategi kebergantungan dalam kalangan pemimpin belia Felda.

## SOROTAN LITERATUR

Menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, istilah belia digunakan untuk merujuk golongan berumur 15 hingga 24 tahun (United Nations, 2013). Melalui Dasar Pembangunan Belia

Negara (1997), belia ditakrifkan sebagai mereka yang berumur antara 18 hingga 30 tahun, di mana ia dilihat dari perspektif individu yang terlibat dari segi strategi perlaksanaan program dan orientasi aktiviti. Seterusnya melalui pindaan rang Undang-Undang (RUU) Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019, had umur dalam takrif belia diturunkan kepada 15 hingga 30 tahun. Menurut Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Steven Sim Chee Keong, pindaan RUU berkenaan bertujuan memastikan pembangunan belia selaras dengan Dasar Belia Malaysia dan seiring dengan dasar sedia ada kerajaan dalam memperkuuh peranan dan tanggungjawab belia di negara ini (Bernama, 2020). Menurut Asnarulkhadi (2011) secara biologinya, belia adalah individu yang berada pada tahap optimum seperti sihat, tegap, waras, bertenaga dan cerdas selain sesuai dengan lingkungan umur yang dianggap produktif dan mempunyai potensi tertentu.

Dalam sesebuah pertubuhan, pemimpin merupakan individu yang boleh memberi pengaruh kepada individu yang lain (Ahmad, 1999). Sesuatu yang menarik dalam kepimpinan adalah kewujudan pemimpin yang berada dalam organisasi yang mempunyai struktur yang tersendiri dengan mewujudkan hubungan pemimpin dan pengikut bagi mencapai kecemerlangan. Pencapaian yang cemerlang dalam sesuatu organisasi memerlukan langkah-langkah atau aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh pemimpin bagi mendorong pengikutnya meningkat dan keazaman ke arah kecemerlangan organisasi tersebut. Kebolehan dari aspek kepimpinan merupakan salah satu elemen terpenting dalam pembentukan masyarakat (Suhaimi et al., 2016). Oleh itu, usaha ke arah penyatuan aktiviti sesebuah organisasi bergantung besar kepada kepintaran seseorang pemimpin.

Memetik daripada ulasan penulisan Dato' Saifuddin Abdullah di Sinar Harian pada 24 Julai 2019, ketika beliau menjawat jawatan Menteri Luar Negeri, belia pada hari ini sepatutnya berfungsi sebagai pemimpin dalam tiga kategori iaitu; sebagai pemimpin generasi yang lebih muda, sebagai pemimpin angkatannya dan sebagai rakan kepimpinan bersama-sama generasi yang lebih tua. Situasi ini menunjukkan bahaya belia bukan hanya penerima manfaat pembangunan, sebaliknya amat diperlukan dalam pembangunan (Sinar Harian, 2019).

Teori kebergantungan atau *Dependency Theory* diperkenalkan oleh Emerson pada tahun 1962 mendefinisikan bahawa teori ini mempunyai hubungan konsep kekuasaan dengan konsep kebergantungan yang diandaikan seperti pengaruh A terhadap B berdasarkan pada kebergantungan terhadap manusia (Young, 1999). Teori kebergantungan adalah merupakan salah satu kelompok dari teori struktural yang menekankan lingkungan material manusia, iaitu organisasi kemasyarakatan berserta sistem imbalan-imbalan material yang diberikannya, perubahan-perubahan pada lingkungan material manusia termasuk perubahan-perubahan teknologi. Terdapat dua teori asal kebergantungan pertama adalah seorang Ekonomi Liberal, iaitu Raul Prebish manakala teori asal kedua pula adalah teori Marxis mengenai imperialism dan kolonialisme (Margulis, 2016).

Organisasi yang cemerlang akan mencari kebergantungan selepas mereka menentukan skop kerja mereka sendiri. Definisi jenis-jenis kebergantungan ialah kumpulan khusus pemboleh ubah yang mempunyai ciri-ciri yang sama membentuk seperti modal sosial iaitu ikatan sosial, jambatan sosial dan hubungan sosial. Definisi ini dipilih kerana mengemukakan aspek-aspek penting dalam sikap kebergantungan seperti yang dinyatakan oleh pengkaji terdahulu (Grootaert et al., 2004; Korir, 2015).

Namun begitu, tiada teori khusus dan konsep berkenaan dengan kebergantungan kepimpinan belia Felda ini malah Kogel (2003) menyifatkan kebergantungan belia kepada ekonomi akan menyebabkan kegagalan ekonomi sesebuah negara. Hal ini pastinya berkait


rapat dengan pemimpin belia Felda dengan sikap kebergantungan mereka kepada Felda dalam melaksanakan aktiviti, projek atau program. Kebergantungan akan menyebabkan seseorang itu perlu sentiasa dikawal selia dan memerlukan garis panduan untuk berfungsi. Keadaan in jelas berlaku dalam kalangan pemimpin belia Felda yang dibuktikan melalui sikap kebergantungan Pemimpin Belia Felda ini adalah setiap aktiviti yang mereka ingin laksanakan seperti Mesyuarat Agung, Program Sukan, Program gotong royong dan beberapa program lain harus di bimbing dan harus di bantu dari segi pengelolaan majlis dan urusan kewangan dan bajetnya. Hal ini tidak menghairankan kerana Persatuan Belia Felda telah lama dimanjakan dengan pelbagai inisiatif bantuan dengan harapan kemudahan tersebut digunakan untuk membangunkan potensi diri seterusnya melahirkan pemimpin yang berkualiter dalam kalangan belia Felda.

Dzuhailmi Dahalan et al. (2012) telah menyatakan bahawa wujudnya masalah dalam kepimpinan belia. Belia telah mempersoalkan peranan Majlis Belia Malaysia (MBM) sebagai sebuah badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan dalam menyelaras semua pertubuhan yang bergabung di bawahnya dan keberhasilan MBM dalam mendekati pertubuhan-pertubuhan belia yang lesu. Menurutnya lagi, walaupun MBM telah melahirkan banyak pemimpin yang boleh dianggap berjaya di Malaysia, namun ia belum setimpal dengan isu dan kemelut sosial lain seperti masalah penagihan dadah dan rempit yang sedang melanda generasi belia di Malaysia. Kertas kerjanya secara tidak langsung turut menyokong dapatan dari kajian Suandi dan Hamzah (1996) yang mendapati senario kepimpinan pertubuhan belia tidak banyak berubah berbanding dengan apa yang berlaku dalam tahun-tahun sebelum ini.

Kenyataan Dzuhailmi Dahalan et al. (2012) menjelaskan ia masih lagi berterusan hingga ke abad ke-20. Antara kelemahan yang persatuan yang dinyatakan oleh Suandi dan Hamzah (1996) adalah penyertaan anggota dalam aktiviti pertubuhan masih tidak menyeluruh, pertubuhan belia hanya menjalankan aktiviti secara *ad-hoc* dan bukan berdasarkan kehendak ahli dan tidak meletakkan agenda kemasyarakatan sebagai keutamaan. Menurut mereka lagi, pemimpin belia masih jauh dari ciri belia profesional iaitu bertanggungjawab, bersedia untuk memberi khidmat kepada orang lebih daripada kepentingan diri sendiri, bermotivasi tinggi dan mempunyai sifat-sifat kreatif. Kerana itulah menurutnya, kebanyakan pertubuhan belia mempunyai pemimpin yang berkecimpung dalam pertubuhan belia hanya untuk kepentingan diri, untuk mendapat peluang melawat, menghadiri seminar atau peluang mendapat status dan kedudukan. Kajian ini menyimpulkan bahawa semua ini berpuncak dari kelemahan kepimpinan belia itu sendiri. Kelemahan kepimpinan belia kemungkinan ada hubungannya dengan ketidaksempurnaan dari aspek spiritual. Ini kerana permasalahan yang dihadapi kepimpinan dalam persatuan belia yang dinyatakan oleh Dzuhailmi Dahalan et al. (2012) serta Suandi dan Hamzah (1996) seperti komitmen yang berterusan, kemampuan merancang aktiviti berkesan untuk memberi khidmat kepada orang lain lebih daripada kepentingan diri sendiri, bermotivasi

tinggi dan mempunyai sifat-sifat kreatif adalah merupakan aspek dalaman diri belia itu sendiri dan ia berkait rapat dengan kecerdasan spiritual seseorang.

Rajah 1: Kerangka konsep kajian kebergantungan belia di Felda



Sumber: Kajian penulis (2021)

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kualitatif kerana pengkaji ingin memahami konsep kebergantungan dalam kalangan pemimpin belia Felda. Ini selaras dengan pendapat pengkaji terdahulu (Denzin & Lincoln, 1994) yang menyatakan kaedah lain kurang berkesan dalam menghuraikan situasi yang kompleks secara mendalam. Dalam kajian kualitatif, pensampelan bertujuan digunakan agar individu yang dijadikan sampel kajian dapat memberikan maklumat secara terperinci (Creswell, 2008). Dalam kajian ini, seorang pengurus atau ketua yang mewakili sebuah wilayah Felda akan dipilih untuk dijadikan responden kajian. Pemilihan responden ini adalah berdasarkan kriteria; latar belakang, pendidikan, dan pengalaman seperti yang telah digariskan oleh Merriam (2001). Oleh itu, responden terdiri daripada pemimpin belia yang mempunyai latar belakang yang pelbagai, terlatih dalam bidang pengurusan sumber manusia dan berpengalaman dalam menguruskan persatuan. Tiada penetapan terhadap jantina kerana kajian ini tidak memerlukan dapatan berkaitan perbandingan jantina atau demografi responden. Kajian ini memberi responden peluang menjelaskan dengan lebih terperinci berkaitan pemahaman beliau terhadap konsep kebergantungan dan faktor-faktor yang menggalakkan kebergantungan mereka terhadap bantuan Felda. Untuk memastikan responden menjawab berdasarkan kehendak kajian, mereka akan diterangkan dengan teliti mengenai peranan mereka dalam kajian ini (Alias & Balakrishnan, 2016).

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan kaedah temu bual dan analisis dokumen yang berkaitan. Penggunaan kedua-dua kaedah tersebut digalakkan dalam penyelidikan kualitatif untuk meningkatkan kesahihan dan kebolehpercayaan dalam dapatan (Merriam, 2001). Bagi temu bual setiap peserta iaitu pegawai Felda yang terlibat, ia akan dilakukan sama seperti Hassan (2004) di mana pengkaji menjalankan dua (2) temu bual utama, iaitu temu bual utama pada peringkat permulaan atau peringkat pertama yang dilakukan

sebelum soalan temu bual yang sebenar dimulakan. Temu bual peringkat pertama adalah temu bual dengan soalan yang bersifat umum berkaitan dengan tujuan kajian, dan temu bual utama di peringkat kedua, iaitu temu bual yang dijalankan dengan menggunakan soalan-soalan temu bual yang sebenar. Temu bual utama pada peringkat permulaan bertujuan mendapatkan keselesaan dalam kalangan peserta kajian dan menggalakkan mereka untuk ditemu bual (Creswell, 2003; Hassan, 2004). Temu bual utama di peringkat kedua pula bertujuan untuk mendapatkan penjelasan terperinci daripada peserta kajian (Hassan, 2004) tentang perkara berhubung dengan kebergantungan pemimpin belia Felda terhadap Felda. Pada peringkat ini pengkaji akan mengemukakan soalan yang berbentuk *probing* bagi mendapatkan penjelasan berkaitan perkara yang berlaku berkaitan dengan kebergantungan belia Felda terhadap Felda.

Menurut Merriam (2001), dokumen merupakan sumber sedia ada yang dapat membantu dalam sesuatu penyelidikan. Dokumen terdiri daripada bahan-bahan bercetak, bahan bertulis, rekod audio dan visual, sama ada yang bersifat umum (*public record*) atau peribadi (*personal documents*) yang di dalamnya terkandung maklumat tentang sesuatu aktiviti, perkara atau sejarah. Dalam kajian ini, dokumen yang relevan daripada Bahagian Kewangan Felda dan Jabatan Komuniti Felda akan dikumpulkan dan dirujuk bagi membantu kajian. Antaranya, rekod kewangan dana terhadap aktiviti dan program yang dijalankan, bajet kewangan untuk program atau aktiviti bagi setiap tahun. Oleh sebab rekod-rekod kewangan ini adalah merupakan dokumen penting dan sulit pengkaji akan meminta izin daripada pihak jabatan kewangan sendiri untuk melancarkan lagi kajian pengkaji. Dokumen tersebut penting bagi memberi data tambahan terhadap pencapaian objektif kajian.

Analisis peringkat pertama dilakukan semasa peringkat sedang dijalankan. Seperti yang dicadangkan oleh Glaser dan Strauss (1967), pengkaji menggunakan kaedah perbandingan berterusan *constant comparative method*. Kaedah ini bermakna perbandingan secara konsisten dilakukan dari semasa ke semasa. Setiap kali pengkaji memilih petikan atau teks dan rekodnya, pengkaji akan membandingkannya dengan kesemua petikan yang telah di kod sebelum ini dengan cara yang sama atau dalam kes yang berlainan. Analisis peringkat pertama akan membantu pengkaji dalam menyatakan serta mengesahkan pernyataan kabur yang dinyatakan oleh peserta kajian terhadap persoalan yang ditimbulkan semasa kaedah pungutan data. Analisis peringkat kedua pula akan dilakukan selepas selesai pengumpulan data dan setelah pengkaji meninggalkan tapak kajian. Pada peringkat ini, data yang akan di transkripsi diteliti baris demi baris untuk proses pengekodan dan penghasilan kategori. Proses ini dilakukan setelah kesemua data yang dikumpul untuk kesebelas peserta kajian selesai ditranskripsikan. Kaedah ini dipanggil sebagai analisis tematik atau kaedah analisis tema yang wujud berdasarkan kepada temu bual yang dijalankan bersandarkan kepada kajian-kajian literatur untuk membantu penyelidik memahami sesuatu kes.

## DAPATAN KAJIAN

Analisis berfokus kepada dimensi kebergantungan. Terdapat dua tema yang muncul hasil daripada analisis iaitu sumber kewangan atau dana dan kebergantungan jaringan peluang pekerjaan. Hasil daripada temu bual yang dijalankan mendapatkan pemimpin belia telah dibantu

daripada pemberian dana atau sumber kewangan dalam menjalankan daripada setiap sudut terutama sekali bagi mereka menjalankan sesuatu program.

Selain daripada itu juga analisis juga menunjukkan golongan belia di Felda juga turut bergantung pada pihak Felda dalam mendapatkan peluang pekerjaan. Menurut pemimpin belia yang ditemui bual didapati golongan pemimpin yang berada di peringkat bawah cenderung untuk mendapatkan peluang pekerjaan daripada pemimpin di peringkat atasan. Oleh yang demikian, jelaslah di sini bahawa mereka bukan sahaja hanya bergantung pada pemberian dana tetapi pada peringkat bawahan mereka turut bergantung dalam mendapatkan peluang atau tempat dalam pekerjaan atau kerja daripada peringkat atasan.

Jadual 1: Tema dan contoh petikan ‘kebergantungan sumber kewangan atau dana’ dan ‘kebergantungan jaringan peluang pekerjaan’

Tema	Contoh petikan		
Kebergantungan Kewangan atau Dana			‘memang sejak daripada dulu MBFM ditubuhkan kebergantungan daripada FELDA dari segi dana tu sangat tinggilah. Dari segi program dan aktiviti, dari segi kursus-kursus atau dari segi mesyuarat dan sebagainya. Aaaa sebab tu pada waktu itu, adalah peruntukan tetap yang telah diberikan oleh FELDA kepada Majlis Belia Felda iaitu bantuan pentadbiran di peringkat MBFM cawangan dan juga bantuan pentadbiran di peringkat MBFM wilayah dan juga MBFM kebangsaan.’
Kebergantungan Pekerjaan	Jaringan	Peluang	terpaksa saya bergerak kat bawah ni. Bila nak bergerak kat bawah ni mengambil masa lah. Cubalah kalau saya di peringkat kebangsaan ni minta dekat KBS, orang Johor minta dekat Majlis Sukan Negeri Johor, orang Pahang minta dengan Jabatan Sukan Negeri Pahang. Kan benda itu lebih mudah.

Bagi melihat faktor-faktor kebergantungan terhadap institusi Felda pula mendapat terdapat dua tema yang muncul salah satunya adalah elemen budaya. Elemen budaya yang diterapkan daripada awal penubuhan FELDA menerusi pemberian dana dan kewangan secara berterusan kepada mereka. Keadaan ini dilihat menjadikan mereka terbiasa dengan budaya pemberian yang diberikan oleh pihak Felda. Selain daripada itu juga mereka juga sentiasa diberi bantuan dana dari segi bantuan kewangan. Oleh yang demikian, jelaslah di sini bahawa budaya kebergantungan ini sentiasa berlaku adalah disebabkan oleh budaya yang dibentuk oleh FELDA sendiri. Sejak penubuhan, FELDA memberi dana kepada anak-anak, justeru membuatkan budaya menerima ini dan secara tidak langsung telah memberikan penerapan terhadap budaya tidak produktif. Bukan saja *attitude and belief* tapi budaya. Ini membawa kepada faktor sensitiviti terhadap bantuan.

Selain daripada itu sistemik daripada agensi-agensi kerajaan dalam memberi bantuan juga menyebabkan pemimpin belia ini selesa untuk terus bergantung terhadap institusi FELDA. Jika dilihat menerusi pendekatan sistemik ini pemimpin belia terlalu bergantung dari awal penubuhan FELDA mereka sentiasa diberi bantuan dalam semua program yang akan dilaksanakan oleh mereka. Secara tidak langsung ia menyebabkan kecenderungan kegiatan politik yang memberi bantuan. Keadaan ini mencerminkan kepincangan sistem pentadbiran yang mana sentiasa ada sumber yang memberi peruntukan kepada persatuan justeru terus menyebabkan kebergantungan. Cara pentadbiran ataupun kegiatan politik yang memberi

bantuan, seperti sogokan/rasuah dengan niat mendapat sokongan juga membuatkan individu selesa dengan menerima bantuan, justeru membawa kepada sifat kebergantungan.

Jadual 2: Tema dan contoh petikan ‘budaya’ dan ‘pendekatan sistemik’

Tema	Contoh petikan
Budaya	<p>‘Sejak saya rasa MBFM ni dapat bantuan daripada FELDA ni sejak awal penubuhan MBFM ni kita memang dapat banyak bantuan daripada FELDA.’</p> <p>‘...berbelas-belas tahun dapat dana daripada FELDA tak mintak pun dapat RM5 ribu setiap tahun. Lepas tu nak buat program aaa...mintak dengan FELDA RM10 ribu dapat RM10 ribu.’</p>
Pendekatan Sistemik	<p>‘...sebenarnya kita sebagai warga FELDA ni kita kena sentiasa beruntung sebab kita ni ada dua ayah. Pertama ayah kita ni FELDA, yang kedua ayah kita ni kerajaan tapi sebelum ni apabila kita rasa kita ni FELDA sangat sampai kita tak mintak apa yang kita boleh dapat daripada kerajaan. Rupanya apabila kita usaha mintak dengan agensi-agensi kerajaan yang lain rupanya dekat-dekat kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan ini ada dana yang boleh diberikan kepada persatuan untuk melaksanakan program, aktiviti, kursus dan sebagainya.’</p> <p>‘...saya nampak kebergantungan ini yang merosakkannya sebenarnya politik. Apa-perkara, bukan saya nak cakap orang politik, politik itu sendiri. Maksudnya merosakkan dari segi dia bagi sokongan, sogokan dari segi peruntukan dan sebagainya itu menyebabkan kita pemimpin-pemimpin belia ni rasa kita macam selesa dibantu.’</p>

Tema yang seterusnya adalah berkait dengan strategi ketidakbergantungan terhadap institusi Felda yang dilakukan oleh pemimpin belia Felda. Terdapat dua tema yang muncul bagi strategi ketidakbergantungan hasil daripada analisis yang dilakukan iaitu membina hubungan daripada pihak atau agensi luar dan menjalankan projek ekonomi bagi pembangunan belia peneroka. Bagi mengelakkan kebergantungan yang tinggi terhadap institusi FELDA wakil belia dilihat menjadi lebih kreatif apabila mereka turut mendapatkan bantuan menerusi hubungan mereka dengan agensi kerajaan yang lain.

Selain daripada itu juga mereka juga bukan sahaja mendapatkan bantuan daripada pihak agensi sahaja tetapi mereka turut meluaskan hubungan mereka dengan pihak masyarakat tempatan iaitu di kalangan mereka bagi membolehkan mereka menjayakan sesuatu program. Jika dilihat menerusi strategi hubungan dengan pihak luar ini iaitu menerusi tindakan mendapatkan dana daripada agensi lain berkesan, tetapi ia turut dilihat membawa kesan negatif kerana ia masih menunjukkan mereka untuk terus bergantung kepada organisasi. Tetapi jika dilihat daripada sudut positifnya adalah mereka berusaha untuk mencapai objektif mereka dalam menjayakan program menerusi inisiatif mereka melalui memperluaskan hubungan (*networking*) dengan pihak luar.

Selain daripada itu juga analisis data juga mendapati untuk mengelakkan kebergantungan kepada FELDA wakil belia telah membangunkan usahawan di wilayah mereka melalui program keusahawanan. Menerusi program ekonomi ini ia dilihat merupakan satu langkah yang positif dan proaktif. Kerana menerusi program ini dapat menggalakkan pemimpin dan ahli terlibat dalam program keusahawanan yang secara tidak langsung

kebergantungan dari segi dana pada organisasi induk dapat dikurangkan. Dalam masa jangka panjang kebergantungan terhadap organisasi ini mungkin dapat dihapuskan.

Jadual 3: Memperluaskan Hubungan dengan Pihak Luar dan Menjalankan Program Ekonomi bagi Pembangunan Belia Peneroka

Tema	Contoh petikan
Membina hubungan daripada pihak atau agensi luar	<p>‘Apabila kita menghadapi masalah tersebut barulah kita ni jadi seorang yang kreatif lah macam mana untuk kita cari dana dengan pihak-pihak selain daripada FELDA dan alhamdulillah kita juga dapat bantuan daripada pihak KBS dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain.’</p> <p>‘Hari ni MBM nak ubah dari kebergantungan kepada kerajaan kepada kebergantungan kepada rakyat. Maksudnya hari ni kita nak mintak dana untuk program ni daripada rakyat, tabung dan sebagainya.’</p>
Menjalankan Program Ekonomi Bagi Pembangunan Belia Peneroka	<p>‘...sebab tu hari ni kita ni ke arah nak menjadikan belia adalah di kalangan mereka-mereka yang ada pendapatan melalui usahawan dan sebagainya. Jadi ada dua lah, satu persatuan belia itu sendiri yang dilibatkan sebagai usahawan, ataupun yang keduanya pemimpin-pemimpin belia kita jadikan mereka usahawan supaya mereka ada pendapatan, mereka ada kewangan yang kukuh mungkin mereka boleh menyumbang kepada persatuan.’</p>

## PERBINCANGAN

Dapat dikenal pasti menerusi dapatan kajian ini, penyelidik mendapati terdapat dua dimensi kebergantungan terhadap institusi FELDA salah satunya adalah budaya. Budaya adalah merupakan salah satu amalan pemimpin belia untuk terus bergantung pada institusi. Keadaan ini adalah bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Bednar dan Page (2005). Menurut mereka budaya ini telah dicipta oleh institusi yang secara tidak langsung telah menciptakan budaya untuk masyarakat terus bergantung pada sesebuah institusi. Menurut mereka lagi, institusi membentuk budaya melalui pengaruh dan mereka dapat menentukan - kepercayaan, tingkah laku, pandangan dunia, dan keterkaitan.

Selain daripada itu, menerusi dapatan kajian dilihat dimensi kebergantungan yang tercusus di kalangan pemimpin belia di FELDA adalah disebabkan oleh pendekatan sistemik yang telah diterapkan oleh pihak FELDA sejak penubuhannya. Seperti yang diperkatakan oleh Donnadieu et al. (2016) pendekatan sistemik bukan sahaja melibatkan pengetahuan tetapi ia juga dipraktikkan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul. Jadi tidak hairan sekiranya pemimpin belia ini lebih selesa bergantung pada institusi FELDA.

Jika dilihat kepada jenis kebergantungan pula, pemimpin belia di Wilayah Johor Bahru ini dilihat bergantung pada ekonomi seperti sumber kewangan bagi menjayakan sesuatu matlamat mereka serta mendapatkan peluang pekerjaan. Keadaan ini turut disokong oleh Lensink dan White (1999) yang menyatakan bahawa kebergantungan kewangan ini adalah bertujuan adalah untuk membantu mencapai sesuatu perkara. Secara tidak langsung ia dapat mengurangkan kadar kemiskinan dan mempertingkatkan pertumbuhan di kebanyakan negara (Murshed & Khanaum, 2014). Menerusi dapatan juga memperlihatkan kebergantungan

terhadap jaringan peluang pekerjaan yang mana menerusi kajian oleh Noraini (2004), beliau menyatakan belia di Felda cenderung bergantung pada Felda disebabkan ada di antara mereka yang hanya mencari peluang pendapatan di sekitar kawasan berdekatan dengan Felda dan ia berlaku di kalangan mereka yang mempunyai pendidikan peringkat menengah sahaja.

Menerusi strategi pendekatan yang dilakukan oleh pemimpin belia di Wilayah Johor Baru, beliau memperlihatkan mengambil pendekatan menerusi menjalinkan hubungan luar bersama dengan pihak agensi lain bagi menjayakan program mereka. Tetapi keadaan ini dilihat akan membawa kesan negatif apabila ia tetap mewujudkan sikap kebergantungan dan akan ada satu pihak yang akan memonopoli mereka (Donato, Ahsan & Shee, 2015). Menurut Donato et al. (2015), dari segi sudut positif pula mereka dapat meluaskan hubungan mereka bersama dengan pihak luar. Selain daripada itu juga pemimpin belia juga dilihat mengambil pendekatan menerusi program keusahawanan yang dilihat mampu melahirkan usahawan yang boleh berdiri sendiri tanpa perlu bergantung sepenuhnya terhadap institusi Felda. Keadaan ini adalah bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh *United Nations Development Programme* (UNDP) (2002), yang menyatakan bahawa program penjanaan pendapatan dan pekerjaan kepada masyarakat dapat memberikan kesan yang mendalam terutama sekali terhadap sosial yang mana ia akan memberi kesan ekonomi secara langsung menerusi program tersebut.

## KESIMPULAN

Bersesuaian dengan Model Baharu Felda yang menekankan aspek Perubahan Minda dalam kalangan warga Felda termasuk generasi baharu nya yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin belia yang berada di seluruh rancangan Felda seluruh negara yang mahukan mereka ini tidak lagi bergantung kepada hasil pendapatan sawit atau getah semata-mata malah pelbagai program dan projek ekonomi diwujudkan dalam menambah hasil pendapatan warganya. Seperti umum ketahui bahawa Pemimpin belia Felda merupakan aset penting Felda yang bakal memimpin tanah rancangan Felda pada masa hadapan dan mereka perlu dipersiapkan bermula daripada sekarang supaya mampu menggalas tanggungjawab tersebut. Pemahaman para pemimpin belia Felda ini terhadap konsep kebergantungan perlu dikaji secara sistematik serta menyeluruh bagi mendapatkan maklumat yang terperinci dan tepat. Kajian ini diharapkan akan memberi penunjuk bagi pihak Felda dalam membangunkan generasi baru dan seterusnya melahirkan pemimpin belia yang bermutu demi kelestarian institusi Felda pada masa akan datang.

## PERAKUAN

Kajian ini tidak ada konflik kepentingan daripada dan untuk mana-mana pihak.

## RUJUKAN

- Ahmad, R. (1999). *Penagihan Dadah dan Residivisme. Aspek-aspek Psikososial dan Persekutaran*.
- Alias, A. M., & Balakrishnan, V. (2016). Impak Kesukarelawan dalam Kalangan Belia di Kuala Lumpur: Suatu Kajian. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(4), 25–43.
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2011). *Permasalahan Belia: Pendekatan Bagi Mendepani Cabaran*. Dlm N. A. dan D. D. Haslinda Abdullah, Sarjit S. Gill, Ismi Arif Ismail,

- Turiman Suandi (Ed.), Belia Pewaris 1Malaysia (ms. 1–21). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Assan, N. (2019). *Zulfahmi fokus pembangunan belia*. Sinar Harian.
- Bednar, J., & Page, S. (2005). Culture, institutional performance, and path dependence. *Unpublished Manuscript*, 1–35. Retrieved from <http://www.csbs.umich.edu/~spage/instpath.pdf>.
- BERNAMA. (2020). *Dewan Negara lulus pindaan akta turunkan had umur belia kepada 30 tahun*. Berita Harian.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Englewood Cliffs, NJ: Pearson.
- Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN). (1977). Kementerian Belia dan Sukan. Retrieved from <http://www.kbs.gov.my/akta-dasar/dasar.html>.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (1994). *Handbook of Qualitative Research*. London: Sage.
- Donato, M., Ahsan, K., & Shee, H. (2015). Resource dependency and collaboration in construction supply chain: Literature review and development of a conceptual framework. *International Journal of Procurement Management*, 8(3), 344–364. <https://doi.org/10.1504/IJPM.2015.069157>
- Donnadieu, G., Durand, D., Nunez, E., Neel, D., & Saint-Paul, L. (2016). The Systemic Approach : what is it all about? *Association Française de Science Des Systèmes AFSCET*, 1–11. Retrieved from <https://www.afscet.asso.fr/>.
- Dzuhailmi Dahalan, Haslinda Abdullah, Azimi Hamzah, Ismi Arif Ismail, Ezhar Tamam, Abdul-Lateef Abdullah, Sarjit S. Gill, Nobaya Ahmad & Turiman Suandi. (2012). Malaysia Youth Council (MBM) and its Relevance to Youth Development. *American Journal of Applied Sciences*, 9(7): 974-978,
- Glaser, B., & Strauss, A. (1967). *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*. Mill Valley, CA: Sociology Press.
- Grootaert, G., Deepa,N., Veronica,N.J., & Michael, J. 2004. *Measuring Social Capital : An Integrated Questionnaire*. World Bank Working Paper;No. 18. Washington, DC: World Bank.
- Hassan, A. (2004). *History of curriculum development in Malaysia History of Struggle strengthen education in Malaysia: Experience of 50 years merdeka*. Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Hassan, R. (2015). Mendepani Cabaran Kepemimpinan Belia. *Malaysian Youth Council*, 1–5.
- Kogel, T. (2003). Youth dependency and total factor productivity. *Journal of Development Economics*, 4: 1- 45.
- Korir, H.C. (2015). Influence Of Social Capital On Producer Groups' Perfomance And Market Access Amongst Smallholder French Bean Farmers In Kirinyaga County. Egerton University, Njoro.
- Lensink, R., & White, H. (1999). *Aid Dependence. Issues and Indicators*. Almqvist & Wiksell International. Sweeden: Almqvist & Wiksell International. Retrieved from [http://www.bistandsdebatten.se/wp-content/uploads/2012/10/1999\\_2-Aid-Dependence.-Issues-and-Indicators.pdf](http://www.bistandsdebatten.se/wp-content/uploads/2012/10/1999_2-Aid-Dependence.-Issues-and-Indicators.pdf).
- Margulis, M.E. (2016). The Global Political Economy of Raul Prebish. Routledge: Abingdon & New York.

- Merriam, S. B. (2001). *Andragogy and self-directed learning: Pillars of adult learning theory*. San Francisco: JosseyBass.
- Murshed, M., & Khanaum, M. M. (2014). Impact of Foreign Aid in the Economic Development of Recipient Country. *Journal of the Bangladesh Association of Young Researchers*, 2(1), 33–37. <https://doi.org/10.3329/jbayr.v2i1.20539>.
- Noraini, I. (2004). Mobiliti Sosial di Kalangan Generasi Kedua. *Akademika*, 64, 83–95.
- Sinar Harian. (2019). #Undi18 pelengkap pemberdayaan belia. <https://www.sinarharian.com.my/article/39596/KHAS/Pendapat/Undi18-pelengkap-pemberdayaan-belia>.
- Suandi, T., & Hamzah, A. (1996). *Keperluan Latihan untuk Agen Pewaris*. In Persidangan Agen Pembangunan Pewaris Negara. Putrajaya.
- Suhaimi, S., John Abdullah, S. A., Arshad, R., Yeon, A. L., Azhar, A., & Ayub, Z. A. (2016). *Penyertaan Belia dalam Pembuatan Keputusan Melahirkan Kemahiran Kepimpinan*. In The International Conference on Government & Public Affairs.
- United Nations Development Program (UNDP). (2002). *Avoiding the dependency trap: the Roma in Central and Eastern Europe*. Slovak Republic. Retrieved from <http://hdr.undp.org>
- United Nation. (2013). Definition Of Youth. Retrieved from <https://www.un.org/esa/socdev/documents/youth/fact-sheets/youth-definition.pdf>
- Young, N. (1999). Dependency Theory: Concepts, Classifications, and Criticisms. *International Area Review*, 2(1): 121-150.

## MAKLUMAT PENULIS

### NIK HASRUL MOHD ZAINUDIN

Universiti Malaysia Sabah

hasrul.mz@felda.net.my

### MUHAMMAD IDRIS BULLARE @ BAHARI

Universiti Malaysia Sabah

ferlis@ums.edu.my